

Headline **Selami masalah pesakit HIV, Aids**
Date **26 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,997**

Language **Malay**
Page No **S14**
Article Size **363 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **5,990**



Selami masalah pesakit HIV, Aids

KUALA LUMPUR - Penedahan mengenai pesakit HIV dan Aids beragama Islam disisih dan mendapatkan perlindungan di gereja yang disiarkan Sinar Harian sebelum ini mendapat perhatian pelbagai pihak.

Perunding Motivasi, Al Insan Resources, Razis Ismail berkata, beliau bersejua dengan pandangan Exco Pendidikan, dan Pembangunan Modal Insan Selangor, Dr Halimah Ali yang menyifatkan penedahan isu terbabit mendedahkan kelemahan institusi Islam termasuk masjid serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menurutnya, terdapat sesetengah institusi masjid dan NGO yang bersikap pilih bulu dan memandang negatif kepada pesakit HIV dan Aids sehingga menyebabkan golongan itu berasa tersisih.

"Saya pernah menerima panggilan daripada sebuah gereja yang memberitahu bahawa terdapat orang

Islam yang mendapatkan perlindungan daripada gereja terbabit.

"Perkara ini terjadi selepas mereka yang disisihkan ini pergi ke tempat perlindungan Islam untuk meminta perlindungan tetapi disambut dengan cacian dan makian.

"Mereka dikatakan pemalas, sengaja tidak mahu bekerja dan sebagainya sehingga menyebabkan mereka tidak mahu lagi berlindung dengan golongan sebegini serta pergi ke gereja," katanya ketika ditemui Sinar Harian, dekat sini.

Beliau berkata, pihak bertanggungjawab seharusnya mengkaji dan menyelami sejauh mana masalah yang dihadapi oleh pesakit HIV dan Aids terbabit dan isu serta masalah ini sebenarnya sudah lama berlaku.

Menurut beliau, institusi masjid dan surau di setiap kariah harus memainkan peranan masing-masing dan mengambil tahu mengenai semua anak-anak kariahnya.

Katanya, pihak bertanggungjawab sering terlepas pandang dan enggan menyelami permasalahan golongan yang tersisih itu sehingga mereka mencari perlindungan dari tempat yang tidak sepatutnya.

"Mencegah kemunggaran adalah tanggungjawab semua umat Islam dan masyarakat harus peka dengan keadaan semasa kerana sikap tidak mahu ambil peduli hanya akan menimbulkan masalah," katanya.

Dalam perkembangan sama Razis berkata, Al Insan Resources adalah badan pengurusan bagi Pusat Tahfiz Al Fatonah Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV dan Aids Nurul Iman Malaysia (Permim) yang terletak di Lembah Jaya.

Katanya, NGO berkenaan menerima amanah untuk menguruskan pusat tahfiz itu atas dasar ingin membuka minda masyarakat sekeliling bahawa anak-anak HIV dan Aids tidak seharusnya dipandang serong atau dipandang rendah kebolehan mereka.

"Kami cuba mencari alternatif untuk membuka



Antara pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Pusat Tahfiz Al Fatonah Permim.

minda masyarakat supaya memandang tinggi dan menghargai mereka ini dalam usaha membangunkan generasi akan datang.

"Kita tidak mahu mereka tersisih dan kita banyak memberikan pengisian motivasi kepada golongan yang tersisih untuk melatih diri serta jiwa selain memberikan penedahan kepada

mereka bagaimana menghadapi kesukaran hidup," katanya.

Terdahulu, Dr Halimah dalam kenyataannya yang disiarkan dalam Sinar Harian pada 20 Julai lalu berkata, beliau menyeru badan Islam khususnya institusi masjid, NGO Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri menjadikannya penedahan

mengenai pesakit HIV dan Aids beragama Islam disisih dan mendapatkan perlindungan di gereja sebagai satu amaran.

Dr Halimah turut menyarankan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengkaji kes terbabit secara serius dan mencari jalan penyelesaian terbaik mengelak kes sama berulang.